



KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH


26 DISEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 108 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 239,590 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di daerah Kota Belud. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 222 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 232,293 orang. Manakala 678 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 356 orang di hospital, 316 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan enam (6) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 31 orang merangkumi 30 di ICU/repurposed kritikal care serta satu (1) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan tujuh (7) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 16 (21.62%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan berubah dari zon jingga ke zon kuning.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lapan (8) daerah.
- Zon Jingga lima (5) daerah.
- Zon Merah 14 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian di Sabah menampakkan kestabilan dengan meneruskan trend penurunan. Hari ini jumlah kes baharu ialah 108 kes, 19 kes lebih rendah daripada jumlah semalam.
- b. Ranau “menjuarai” daerah-daerah di Sabah yang mencatat kes baharu yang paling tinggi, iaitu 26 kes berbanding hanya 10 kes kelmarin. Ranau bersama Tuaran 16 kes (-6), Kota Kinabalu 14 kes (-17) dan Penampang 10 kes (-2) adalah empat (4) daerah yang masih mencatat kes-kes baharu pada kadar dua (2) angka. Semua daerah lain hanya mencatat kes baharu satu (1) angka dengan sembilan (9) daerah tanpa sebarang kes baharu.
- c. Sebanyak 104 daripada 108 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, dua (2) kes dalam Kategori 3 dan masing-masing satu (1) kes dalam Kategori 4 dan Kategori 5.
- d. Berasaskan kepada jumlah kes harian pada 25 Disember 2021, jangkaan kadar kebolehjangkitan atau R0/RT bagi seluruh negara ialah 0.88 dan bagi Sabah 0.81. Kadar R0/RT yang lebih rendah adalah penanda-aras kedudukan jangkitan (transmission rate) yang semakin berkurangan dan terkawal.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (40) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	54	50.00%
3	Kontak	40	37.04%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	14	12.96%
JUMLAH		108	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (25 Disember 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 25/12/2021	Catatan Kes 26/12/2021	Perbandingan
1	Ranau	10	26	+16
2	Keningau	0	7	+7
3	Kota Marudu	2	3	+1
4	Beaufort	1	2	+1
5	Tambunan	1	2	+1
6	Sipitang	0	1	+1
7	Telupid	0	1	+1
8	Lahad Datu	0	1	+1
9	Kuala Penyu	4	4	Mendatar
10	Kalabakan	0	0	Mendatar
11	Kunak	0	0	Mendatar
12	Pitas	0	0	Mendatar
13	Tongod	0	0	Mendatar
14	Kinabatangan	0	0	Mendatar
15	Kota Kinabalu	31	14	-17
16	Tuaran	22	16	-6
17	Tawau	10	6	-4
18	Papar	6	2	-4
19	Putatan	8	5	-3
20	Semporna	3	0	-3
21	Penampang	12	10	-2
22	Kota Belud	8	6	-2
23	Beluran	2	0	-2
24	Sandakan	2	0	-2
25	Kudat	2	1	-1
26	Tenom	2	1	-1
27	Nabawan	1	0	-1
JUMLAH		127	108	-19

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 15 Hari (11 Disember – 25 Disember)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Ranau	0	9	16	0	1	26	196
Tuaran	0	7	9	0	0	16	354
Kota Kinabalu	0	4	7	0	3	14	441
Penampang	0	6	4	0	0	10	198
Keningau	0	1	4	0	2	7	63
Tawau	0	3	0	0	3	6	37
Kota Belud	0	5	0	0	1	6	189
Putatan	0	2	3	0	0	5	104
Kuala Penyu	0	2	1	0	1	4	74
Kota Marudu	0	0	3	0	0	3	64
Papar	0	0	1	0	1	2	151
Beaufort	0	0	1	0	1	2	64
Tambunan	0	1	1	0	0	2	58
Tenom	0	0	1	0	0	1	88
Kudat	0	0	1	0	0	1	30
Lahad Datu	0	0	0	0	1	1	17
Telupid	0	0	1	0	0	1	11
Sipitang	0	0	1	0	0	1	29
Semporna	0	0	0	0	0	0	10
Sandakan	0	0	0	0	0	0	89
Beluran	0	0	0	0	0	0	24
Nabawan	0	0	0	0	0	0	17
Tongod	0	0	0	0	0	0	23
Pitas	0	0	0	0	0	0	14
Kinabatangan	0	0	0	0	0	0	15
Kunak	0	0	0	0	0	0	1
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	3
JUMLAH	0	40	54	0	14	108	2,364

6 Tiada **Kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,231 unit

- Hospital 1,344 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,697 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 16.02%

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 26 DISEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	104
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	3
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
Jumlah	108

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Arab Saudi	3
Jumlah	3

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	104
Bukan Malaysia	4
Jumlah	108

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	25
Belum Menerima Vaksin	6
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	71
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	6
Jumlah	108

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	1
1 to 5	12
6 to 11	12
12 to 17	2
18 to 25	7
26 to 59	57
>60	17
Jumlah	108

C TATACARA KEMASUKAN KE NEGERI SABAH BAGI PENGEMBARA DARI UNITED KINGDOM, ARAB SAUDI, AUSTRALIA, NORWAY, FRANCE, KANADA, DENMARK, NIGERIA, UNITED STATES, INDIA DAN PAKISTAN

Bermula 28 Disember 2021, semua pengembara dari negara United Kingdom, Arab Saudi, Australia, Norway, France, Kanada, Denmark, Nigeria, United States, India Dan Pakistan yang menuju ke Sabah hendaklah menjalani kuarantin **WAJIB** melalui Pintu Masuk Antarabangsa Pertama (*first port of arrival*) di pusat kuarantin yang ditetapkan oleh Kerajaan sebelum dibenarkan untuk memasuki/meneruskan penerbangan ke Negeri Sabah.

D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 25 Disember 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 248 orang. Daripada jumlah ini, seramai 243 orang adalah penduduk dewasa dan 5 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 25 Disember 2021 adalah seramai 2,447,886 orang. Ini meliputi 2,111,910 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.56% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,401,573 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,090,859 orang atau 75.80% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 335,976 orang atau 77.41% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 310,714 atau 71.59% orang setakat ini.

E BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **679,851** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,536 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 49 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 40 kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
 - 32 Orang : Individu Gagal Menajaga Penjarakan Sosial
 - Satu (1) Orang : Pemilik Premis Gagal Melaksanakan Penjarakan Fizikal
 - Satu (1) Orang : Pemilik Premis Gagal Patuhi Waktu Operasi
 - Enam (6) Orang : Lain-lain Kesalahan Tidak Tersenarai

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 130 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 20 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,493 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak empat (4) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Tawau. Tiada kompaun dikeluarkan pada hari ini.
 - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 431 premis perniagaan dan 8819 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 269 Premis Perniagaan melibatkan 133 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 121 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 24 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 83 hebahan di seluruh Sabah.

G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.8%
2	Keningau	98.6%
3	Sipitang	98.6%
4	Kudat	98.6%
5	Beluran	98.5%
6	Kinabatangan	98.5%
7	Tawau	98.4%
8	Penampang	98.4%
9	Beaufort	98.4%
10	Semporna	98.4%
11	Sandakan	98.4%
12	Tenom	98.4%
13	Kota Marudu	98.3%
14	Lahad Datu	98.3%
15	Kota Kinabalu	98.3%
16	Papar	98.2%
17	Tuaran	98.2%
18	Kota Belud	98.2%
19	Ranau	98%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II